

## KAJIAN LITERATUR: HUKUM PEMAKANAN SERANGGA DALAM ISLAM

### LITERATURE REVIEW: THE ISLAMIC RULING ON THE CONSUMPTION OF INSECTS

<sup>i\*</sup>Ahmad Salman Mohd Yusof, <sup>i, ii, iii</sup>Ahmad Syukran Baharuddin

<sup>i</sup> Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai.

<sup>ii</sup> Centre of Research for Fiqh Forensics and Judiciary (CFORSJ), Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

<sup>iii</sup> Research Fellow, Maqasid Institute, United States of America (USA)

\*(Corresponding Author): ahmadsalman.my@gmail.com

### ABSTRAK

Kajian ini meneliti perbincangan klasik dan kontemporari berkaitan hukum pemakanan serangga dalam Islam dengan memberi tumpuan kepada konsep-konsep asas seperti *hasharah*, *khaba'ith*, *jallalah* dan *maytah*. Literatur menunjukkan bahawa walaupun terdapat kesepakatan ulama mengenai pengharaman segala yang tergolong dalam kategori *khaba'ith*, tidak wujud kesepakatan jelas mengenai pengkategorian serangga secara khusus. Perbincangan dalam kalangan empat mazhab Sunni memperlihatkan perbezaan pendekatan, bermula daripada pandangan yang mengharamkan semua jenis serangga hinggalah yang mengharuskannya jika terbukti bermanfaat, selamat dan diterima masyarakat. Kajian turut membincangkan isu kontemporari berkaitan larva lalat askar hitam (BSFL) dan pewarna Carmine (E120), serta analisis fatwa-fatwa semasa daripada pelbagai autoriti halal. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penentuan hukum serangga bergantung kepada sifatnya sama ada dianggap *khaba'ith* atau *tayyib*, selain faktor kebersihan, kemudahan, adat setempat dan tujuan penggunaannya. Kajian ini mencadangkan agar perbincangan lanjut dilakukan bagi memperjelaskan terminologi fiqh dan implikasinya terhadap produk berasaskan serangga dalam industri makanan moden.

**Kata Kunci:** Hukum makanan, serangga, halal, BSFL, Carmine (E120)

### ABSTRACT

*This study examines classical and contemporary scholarly discussions on the permissibility of consuming insects in Islam, focusing on foundational concepts such as hasharah, khaba'ith, jallalah, and maytah. The literature indicates that, although Muslim scholars agree that anything classified as khaba'ith is prohibited, there is no clear consensus regarding whether insects fall entirely within this category. Differences among the four Sunni schools of law reveal diverse approaches, ranging from total prohibition of insects to conditional permissibility when they are beneficial, safe, and culturally accepted. The study further explores contemporary issues related to Black Soldier Fly Larvae (BSFL) and Carmine (E120), alongside recent fatwas issued by various halal authorities. Findings show that the legal status of insects depends largely on whether they are considered khaba'ith or tayyib, as well as factors such as cleanliness, potential harm, cultural norms, and intended use. The paper highlights the need for continued research to clarify fiqh terminology and its implications for insect-based products in the modern food industry.*

**Keyword (s):** Food law, insects, halal, BSFL, Carmine (E120)

## Pendahuluan

Dalam konteks yang sama, produk yang menggunakan bahan asas serangga kini semakin dipandang serius. Salah satu alasan utama adalah para penyelidik makanan mulai menganggapnya sebagai sumber protein alternatif yang lebih berkelanjutan. Diharapkan bahawa peningkatan pengeluaran produk ini dapat menyumbang kepada pengurangan isu kekurangan makanan di seluruh dunia (Mariyam et al. 2022). Oleh itu, kepentingan penyelidikan dalam bidang ini semakin ketara berikutan peningkatan permintaan terhadap sumber protein yang mesra alam dan boleh dipercayai (Sabri et al. 2023).

Perkembangan ini telah mendorong para penyelidik di Eropah untuk berfokus kepada kajian mengenai serangga dan produk yang dihasilkan darinya. Ini termasuk usaha mengenal pasti spesies yang sesuai untuk dimakan serta meneroka kaedah penternakan yang paling efisien (Traynor et al. 2024). Pada tahap dasar, Kesatuan Eropah telah mengkategorikan produk ini dalam Peraturan (EU) 2015/2283 mengenai Makanan Novel. Peraturan ini menetapkan bahawa produk yang berasal dari serangga perlu selamat untuk dimakan dan harus dinilai terlebih dahulu oleh EFSA. Di Asia, negara-negara seperti China, Thailand, dan Singapura juga mulai mendapatkan keuntungan besar dari sektor ini.

Namun satu persoalan baru yang muncul di dalam dunia makanan muslim iaitu adakah dibenarkan umat islam dibenarkan memakan produk yang berasal dari serangga ataupun sebaliknya. Walaupun serangga dilihat sebagai makanan mampu memberikan nutrisi yang baik kepada pengguna namun bagi umat islam setiap yang dimakan perlu halal dari segi sudut syariah. Pada perbincangan kalini pengkaji akan menyelusuri kajian litetatur berkenaan dengan hukum memakan serangga dalam islam. Kajian dilakukan dengan mengambil kajian akademik yang boleh dipengkalan data yang boleh dipercayai seperti di Maktabah Syamilah, Waqteya, Ezproxy, Askzad, dan lain-lain yang telah digunakan sebagai data primer dan sekunder.

## Kajian Literatur

### Hukum Memakan Serangga

Terdapat kesepakatan di antara ulama dari empat mazhab Sunni mengenai kehalalan belalang, sejenis serangga yang boleh dimakan. Persetujuan ini berlandaskan kepada hadis-hadis yang menyatakan dengan jelas kebenaran untuk memakannya. Walau bagaimanapun, para akademik mempunyai pandangan yang berbeza ketika membincangkan mengenai serangga lain. Perbezaan ini muncul kerana semua hadis yang menyatakan keharusan untuk memakan serangga hanya merujuk secara khusus kepada belalang dan tidak mencakup spesies serangga lain (Dahaman@Dahlan and Mohd Yusof 2024). Secara umum, dua daripada empat mazhab Sunni memiliki pandangan yang berbeza antara satu sama lain. Sementara itu, dua mazhab lagi cenderung mengambil pendekatan tengah dengan beberapa perincian yang berlainan. Walaupun demikian, semua mazhab sependapat bahawa serangga yang muncul atau tumbuh dalam makanan contohnya ulat yang ada dalam makanan adalah halal dan dibenarkan.

Sebelum mengulas pandangan para ulama, terdapat beberapa isu istilah dalam karya fikah klasik yang perlu dijelaskan. Istilah *hasharah*, yang umumnya diterjemahkan sebagai “serangga”, sebenarnya memiliki makna yang lebih luas dalam literatur fikah dibandingkan hanya merujuk pada serangga itu sendiri.

Ketika istilah *hasharah* atau *hasharaat* digunakan dalam teks-teks fikah, maknanya tidak terbatas pada serangga saja. Istilah ini juga mencakup hewan mamalia kecil seperti hyrax, tikus, mencit, landak, dan sejenisnya. Pada waktu yang sama, istilah ini juga dapat merujuk kepada haiwan reptilia seperti biawak, cicak, dan ular. Oleh sebab itu, seorang pengkaji harus

menganalisis hukum serta pandangan para ulama mengenai hasharaat secara khusus untuk setiap kes yang berbeza. Dalam diskusi selanjutnya, istilah *hasharaat* akan digunakan untuk menjelaskan pandangan dari empat mazhab Sunni (Tajudeen 2020).

Berdasarkan pandangan mazhab Hanafi, segala jenis *hasharaat* dianggap haram, termasuk makanan yang mengandungi serangga. Mereka merujuk kepada Surah al-A'raf ayat 157 dalam al-Quran, yang melarang pengambilan perkara-perkara yang termasuk dalam kategori *khaba'ith*. Ini merujuk kepada sesuatu yang dianggap keji, membawa mudarat atau bersifat kotor. Oleh itu, mazhab Hanafi menganggap hasharaat sebagai makhluk yang kotor dan menjijikkan, serta kurang digemari (Riyaz 2023).

Sebaliknya, mazhab Maliki mengambil pendekatan yang berbeza dari segi pandangan mereka. Dari sudut pandang ini, semua yang ada di bumi seharusnya dapat dimakan, kecuali jika ada dalil yang jelas dilarang oleh Syariah serta dapat membahayakan kesehatan. Oleh kerana tiada bukti jelas yang melarang semua jenis serangga, maka serangga yang memberi manfaat, tidak mendatangkan mudarat dan diterima oleh masyarakat diklasifikasikan sebagai halal. Namun, mazhab Maliki menegaskan bahawa haiwan seperti rodensia dan reptilia harus disembelih. Selain itu, serangga yang dianggap halal juga tidak boleh dimakan semasa masih hidup; mereka perlu dibunuh terlebih dahulu melalui cara yang dibenarkan seperti memenggal kepala, memanggang, atau teknik lain yang sesuai (Tajudeen 2020).

Secara keseluruhan, dua daripada empat mazhab Sunni mempunyai pandangan yang bertentangan antara satu sama lain. Sementara itu, dua mazhab yang lain iaitu mazhab Syafie dan Hanbali mengambil sikap yang lebih seimbang dengan beberapa perincian berbeza. Meskipun begitu, semua mazhab sepakat bahawa serangga yang berada di dalam tumbuhan, adalah halal dimakan ataupun boleh dibuang ulat tersebut lalu dimakan buahnya. Hal ini kerana ia bukannya najis.

Bagi mazhab Shafi'i dan mazhab Hanbali, kedua-duanya mengambil pendekatan selektif, bukan pendekatan umum seperti Hanafi dan Maliki. Namun kedua-dua mazhab ini berbeza dalam beberapa kategori *hasharaat* yang dianggap halal. Contohnya, mazhab Shafi'i mengharuskan landak, manakala mazhab Hanbali menganggapnya haram. Walau bagaimanapun, kedua-dua mazhab bersepakat bahawa semua serangga selain belalang adalah *khaba'ith* (Hamdan et al. 2025).

### **Larva lalat askar hitam (BSFL)**

Larva lalat askar hitam (*Hermetia illucens*) mempunyai warna putih kekuningan ketika berada pada tahap awal, dan warnanya akan semakin gelap saat menjelang fasa pupa. Meskipun termasuk dalam kategori lalat, BSFL tidak dianggap sebagai pembawa penyakit yang berbahaya. Dari segi nutrisi, BSFL (Black Soldier Fly Larvae) mengandungi kandungan protein, asid amino, dan lemak yang tinggi, menjadikannya pilihan ideal sebagai makanan bagi haiwan ternakan. Perbincangan kali BSFL ini menyelidik banyak memfokuskan kepada kajian lepas daripada Dahaman@Dahlan dan Mohd Yusof (2024) dan Jamaludin et al. (2023) kerana perbincangan BSFL Halal masih kurang dibincangkan di dalam dunia akademik buat masa ini.

Menurut Dahaman@Dahlan dan Mohd Yusof (2024) perbincangan mengenai status hukum BSFL sering kali berkait rapat dengan konsep *jallalah*. Konsep ini merujuk kepada haiwan yang memakan bahan bernajis hingga menyebabkan bau kurang menyenangkan atau perubahan dalam kualiti daging dan telur mereka.

Jika haiwan hanya mengonsumsi najis dalam jumlah yang sedikit tanpa mempengaruhi rasa, bau, dan warna tubuhnya, mereka tidak digolongkan sebagai *jallalah*. Jadi, larva BSF yang dibesarkan dalam keadaan terkawal dan diberi diet pemakanan yang bersih tidak akan termasuk dalam kategori ini (Jamaludin et al. 2024). Hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari mengenai lalat menunjukkan bahawa lalat tidak boleh dianggap najis secara mutlak. Jika ia

benar-benar najis, pasti Rasulullah SAW tidak akan menyarankan agar lalat dimasukkan ke dalam minuman sebelum diminum. Ini memperkuat pendapat bahawa serangga tidak semestinya dikenakan hukum najis.

Fatwa masa kini juga mendukung pemanfaatan BSFL sebagai pakan ternak. Majelis Ulama Indonesia menyatakan bahwa BSFL tidak diperbolehkan untuk dikonsumsi manusia, tetapi bisa digunakan sebagai pakan bagi hewan. Fatwa dari Negeri Perlis menyatakan bahawa larva yang berkembang dalam persekitaran yang bersih adalah halal untuk dijadikan makanan ternakan dan boleh diperdagangkan. Pandangan Dahaman@Dahlan dan Mohd Yusof (2024) juga mendapati bahawa penternakan komersial larva BSFL dapat dikendalikan dengan baik, yang seterusnya menjamin kebersihan serta kesesuaiannya mengikut syarak. Oleh itu, penggunaan dan perdagangan BSFL untuk makanan haiwan adalah dibenarkan selagi tiada elemen kenajisan yang terlibat.

### ***Cochineal* (E120)**

Penggunaan *Carmine* sering dibincangkan tidak dibenarkan di dalam Islam kerana pendapat daripada Mazhab Hanafi, Shafi'i dan Hanbali secara jumbuhnya mengharamkan pemakanan serangga dengan mengklasifikasikannya sebagai *khabiṭh*. Larangan ini dirujuk kepada tafsiran ayat al-Qur'an 7:157, disertai persepsi bahawa serangga secara fitrahnya jijik (Mohd Salleh, Ahmad, and Ahmad Fadzillah 2020). Manakala berbeza dengan pandangan daripada mazhab Maliki yang meletakkan status haiwan atau serangga tersebut haram apabila terdapat ayat al-Qur'an dan hadith yang spesifik mengharamkan perkara tersebut (Dahaman@Dahlan and Mohd Yusof 2024).

Perbezaan pandangan ini mencerminkan perbezaan asas dalam pentafsiran konsep seperti kesucian (*tahārah*) dan kemudatan (*ḍarar*) antara mazhab-mazhab hukum Islam. Perbezaan klasik ini turut tercermin dalam perbincangan kontemporari mengenai carmine. Ramai sarjana moden mengeluarkan fatwa bahawa carmine adalah tidak halal disebabkan asal usulnya daripada serangga. Sebagai contoh, satu fatwa daripada Islamweb secara jelas mengharamkan *Carmine* yang diekstrak daripada pepijat *Cochineal* yang dikeringkan, dengan alasan bukan sahaja kerana ia berasal daripada serangga, tetapi juga kerana serangga tersebut diklasifikasikan sebagai *maytah* (bangkai yang tidak disembelih) dan kemungkinan terlibat alkohol dalam proses ekstraksi (Aidulsyah and Mizuno 2020). Demikian juga, fatwa Hanafi daripada Darul Uloom Trinidad memutuskan carmine sebagai tidak harus dengan menyatakan bahawa "pemakanan serangga tidak dibenarkan" dan termasuk dalam larangan al-Qur'an terhadap bahan yang kotor, serta meluaskan larangan ini kepada gincu berasaskan *Carmine* kerana risiko tertelan (Vanany et al. 2020).

Status halal *Carmine* (E120) oleh itu tidak diiktiraf secara seragam di seluruh dunia, dengan pelbagai pihak berautoriti halal nasional mengeluarkan garis panduan yang berbeza. Beberapa badan pensijilan utama di negara majoriti Muslim sejak beberapa tahun kebelakangan ini mengharuskan *Carmine*, sering kali berbeza daripada pendirian terdahulu (Qodir, Singh, and W. Hefner 2023). Sebagai contoh, Majelis Ulama Indonesia (MUI) mengeluarkan Fatwa No. 33/2011 yang menghalalkan pewarna makanan dan minuman berasaskan *Carmine* dengan alasan serangga *Cochineal* yang diumpamakan seperti belalang tidak mempunyai peringkat larva yang kompleks, tidak memiliki darah yang mengalir, hidup pada tumbuhan bersih, dan tidak disebut secara jelas dalam larangan nas, selagi pewarna tersebut bermanfaat dan tidak memudatkan. Begitu juga, Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia setelah mengkaji semula isu ini pada 2012, membenarkan pewarna berasaskan *Cochineal* dengan alasan serangga tersebut tidak beracun, memberi manfaat kepada manusia, dan berasaskan prinsip fiqh klasik bahawa bangkai serangga yang tidak mempunyai darah yang mengalir adalah suci, bukan najis (Mohd Salleh et al. 2020; Syahnan, Ja'far, and Iqbal 2021).

## Kesimpulan

Secara ringkas, walaupun para ulama Islam sepakat bahawa semua yang termasuk dalam kategori *khaba'ith* adalah haram, persetujuan mengenai pengkategorian sebahagian hasharaat (termasuk serangga) masih belum jelas. Perbezaan pendapat ini berasal dari isu mengenai apakah sesebuah serangga itu dianggap sebagai *khaba'ith* atau *tayyib*. Kebanyakan ulama beranggapan bahawa serangga tergolong dalam kategori *khaba'ith*. Namun, mazhab Maliki mempunyai pandangan berbeza dan tidak menganggapnya sedemikian, kecuali apabila ia boleh membahayakan kesihatan manusia atau tidak diterima oleh masyarakat setempat. Para penyelidik juga menemukan bahawa perbincangan mengenai hukum pemakanan serangga dalam perspektif syariah berkisar pada istilah *hasharah*, *jallalah*, *khaba'ith* (*khabith*), dan *maytah*.

Istilah-istilah ini digunakan dalam kitab-kitab fiqh klasik untuk merujuk kepada jenis-jenis hewan tertentu. Persoalan utama yang muncul adalah apakah istilah-istilah ini merujuk kepada haiwan yang sama atau mereka memiliki ciri-ciri khusus sebelum diberi gelaran tersebut. Sebagai contoh, apakah semua haiwan yang digolongkan sebagai *khaba'ith* juga tergolong dalam kategori *jallalah* atau *maytah*? Dan adakah *hasharah* semestinya merujuk kepada *khaba'ith*? Oleh itu, kajian mengenai hukum pemakanan serangga perlu dilanjutkan untuk membantu menjawab pertanyaan-pertanyaan seperti ini.

## RUJUKAN:

- Aidulsyah, Fachri, and Yuji Mizuno. 2020. "The Entanglement between Anti-Liberalism and Conservatism: The Insists and Miumi Effect within the "212 Movement" in Indonesia." *Journal of Indonesian Islam* 14(1):1–25. doi: 10.15642/JIIS.2020.14.1.1-25.
- Dahaman@Dahlan, Mohd Akram, and Zizi Azlinda Mohd Yusof. 2024. "Kajian Status Kenajisan Larva Dan Penggunaannya Dalam Makanan Ternakan: Fatwa Negeri Perlis." *Malaysian Journal of Syariah and Law* 12(2):511–28. doi: 10.33102/mjisl.vol12no2.796.
- Hamdan, Afifah, Mohammad Naqib Hamdan, Sghaier Chriki, Anis Syahirah Mokhtar, Radhiahtul RaehanMustafa, and AbdulBasitSamat@Darawi1. 2025. "Insect-Based Food as Alternative Protein Source : An Analysis from the Islamic Perspective." doi: 10.1163/23524588-bja10228.
- Jamaludin, Mohammad Aizat, Azura Amid, Nur Syammimi Mat Puat, and Siti Syahirah Saffine. 2024. "BSFL As Alternative Halal Animal Feed." *Journal of Halal Industry & Services* 7(1):2019–22. doi: 10.36877/jhis.a0000526.
- Jamaludin, Mohammad Aizat, Siti Nur Hamizah Ramli, Noor Faizul Hadry Nordin, Muhamad Shirwan Abdullah Sani, and Ahmad Ni'matullah Al-Baarri. 2023. "Black Soldier Fly Larvae as Alternative to Conventional Animal Feed: An Islamic and Science Perspective." *Journal of Halal Industry & Services* 6(1):1–10. doi: 10.36877/jhis.a0000409.
- Mariyam, Siti, Huseyin Bilgic, Ivonne M. C. M. Rietjens, and Devi Yuni Susanti. 2022. "Safety Assessment of Questionable Food Additives in the Halal Food Certification: A Review." *Indonesian Journal of Halal Research* 4(1):19–25. doi: 10.15575/ijhar.v4i1.12097.
- Mohd Salleh, Mohd Mahyeddin, Nisar Mohammad Ahmad, and Nurrulhidayah Ahmad Fadzillah. 2020. "Pewarna Makanan Dari Serangga (Cochineal) Menurut Perspektif Halal: Analisis Fatwa Di Beberapa Negara ASEAN." *Journal of Fatwa Management and Research* (September 2021):1–14. doi: 10.33102/jfatwa.vol19no1.1.
- Qodir, Zuly, Bilveer Singh, and Robert W. Hefner. 2023. "Conservative Turn and Islamic Populism: Challenges Muhammadiyah and Nahdlatul Ulama in Contemporary Politics." *Religious: Jurnal Studi Agama-Agama Dan Lintas Budaya* 7(2):106–14. doi: 10.15575/rjsalb.v7i2.25203.
- Riyaz, Muzafar. 2023. "Edible Insects : Islamic Perspectives on Entomophagy and Future Foods." *Journal of Islamic Multidispinari* 8:63–80.
- Sabri, Nurul Syazwani Ahmad, Muhammad Imran Firdaus Kamardan, Shi Xuan Wong, Nadia Farhana Azman, Fazrena Nadia Md Akhir, Nor'azizi Othman, Norkumala Awang, Yutaka Kuroki, and Hirofumi Hara. 2023. "Future Aspects of Insects' Ingestion in Malaysia and Indonesia for Human Well-Being and Religion Regulation." *Future Foods* 8.
- Syahnan, Mhd, Ja'far, and Muhammad Iqbal. 2021. "Ulama and Radicalism in Contemporary Indonesia: Response of Al Washliyah's Ulama on Radicalism." *Ahkam: Jurnal Ilmu Syariah* 21(1):89–110. doi: 10.15408/ajis.v21i1.19684.
- Tajudeen, Ahmad Labe. 2020. "Halal Certification of Insect-Based Food: A Critique." *International Journal of Islamic Business Ethics* 5(2):100. doi: 10.30659/IJIBE.5.2.100-112.
- Traynor, A., D. Thorburn Burns, D. Wu, N. Karoonuthaisiri, A. Petchkongkaew, and C. T. Elliott. 2024. "An Analysis of Emerging Food Safety and Fraud Risks of Novel Insect Proteins within Complex Supply Chains." *Npj Science of Food* 8(1).
- Vanany, Iwan, Jan Mei Soon, Anny Maryani, and Berto Mulia Wibawa. 2020. "Determinants of Halal-Food Consumption in Indonesia." *Journal of Islamic Marketing* 11(2):516–30. doi: 10.1108/JIMA-09-2018-0177.

